

**`Awakening', buku Pak Lah dilancar Isnin depan
Malaysian Insider
Sept 11 , 2013**

Selepas ditangguhkan beberapa kali, buku 'Awakening: The Abdullah Badawi Years in Malaysia' akan dilancarkan dengan rasminya pada Isnin ini di auditorium bangunan Majlis Peguam Malaysia.

Penganjur bersama majlis ini ialah The Foreign Correspondents Club of Malaysia dengan tetamu istimewanya, Datuk Mahadev Shankar, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia.

Editor buku kontroversi itu Bridget Welsh dan James Chin akan turut memberikan ucapan pada hari pelancaran nanti.

Selain menyiarkan wawancara khas dengan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi, buku ini turut ditulis oleh lebih 30 penulis dan pemimpin politik.

Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Zaid Ibrahim dan Dr Mohamed Khir Toyo turut menulis dalam buku yang kini menjadi fokus orang ramai itu.

Tengku Razaleigh turut memberikan kata pengantar untuk buku ini.

Dalam tulisan Tengku Razaleigh, beliau berkata, kemenangan besar Pak Lah dalam pilihan raya umum 2004 bukan kerana dirinya tetapi kerana rakyat meraikan perginya Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri.

Tengku Razaleigh juga menulis, Pak Lah terlepas peluang untuk melaksanakan keputusan dua Suruhanjaya Diraja yang beliau tubuhkan iaitu Suruhanjaya Diraja Siasatan Ke atas Polis yang menghasilkan cadangan penubuhan IPCMC dan Suruhanjaya Diraja Siasatan ke atas skandal pita video Linggam.

Selain itu, Pengarang Analisis dan Rencana The Malaysian Insider, Zulkifli Sulong turut menyumbangkan tulisan untuk buku ini.

Beberapa kolumnis portal turut terlibat menulis buku kontroversi itu dan antaranya ialah Wan Hamidi Hamid dan Nik Nazmi Nik Ahmad.

Dalam buku ini, Abdullah menjawab pelbagai persoalan yang dibangkitkan penulisnya melalui satu wawancara khas dengannya.

Antaranya ialah mengapa beliau sering dilihat tertidur, kenapa beliau membatalkan beberapa projek yang dimulakan oleh Dr Mahathir dan pelbagai isu lagi.

Abdullah menjawab semua itu dalam wawancara yang bertajuk Doing the Invisible atau membuat perkara yang tidak boleh dilihat. - 11 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/awakening-buku-pak-lah-dilancar-isnin-depan>

